




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 232 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 26,619 kes. Hari ini tiga (3) kes kematian dicatatkan iaitu dua (2) kes di Daerah Lahad Datu dan satu (1) kes di Daerah Tawau. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 833 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif 19,721 orang. Manakala, seramai 2,266 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 671 orang di hospital dan 1,595 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 79 orang dan 18 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau bertukar dari zon jingga ke zon kuning. Manakala Daerah Beluran berubah dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Pada hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 232 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 96 kes (41.38%) adalah dari Daerah Kota Kinabalu, Lahad Datu, Beluran dan Kota Belud yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 136 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,007 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,569 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,576 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 34.45%.

## **B. SEMAKAN SEMULA PROSEDUR SARINGAN KESIHATAN BAGI PENGEMBARA DENGAN SEJARAH PERJALANAN PULANG DARI SABAH**

- 1 Mulai 25 November 2020, pengembara yang tiba dari Sabah hanya perlu menjalani Swab ujian pengesanan COVID-19 tiga hari sebelum berlepas dari Sabah ke negeri lain di Malaysia.
- 2 Sekiranya individu ini positif ujian pengesanan COVID-19 atau bergejala, mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan keluar dari Sabah.
- 3 Bagi mereka yang positif COVID-19, mereka akan dirujuk ke hospital untuk isolasi, rawatan dan pemantauan. Manakala, bagi individu yang bergejala akan dirujuk untuk menjalani pemeriksaan.
- 4 Bagi pengembara yang dibenarkan meneruskan perjalanan keluar dari Sabah pula, mereka akan melalui saringan demam dan gejala, pemeriksaan laporan ujian swab pengesanan COVID-19 dan diwajibkan penggunaan aplikasi MySejahtera setibanya di Pintu Masuk Negara di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- 5 Sekiranya mereka tidak bergejala dan laporan ujian makmal COVID-19 disahkan negatif, pengembara ini tidak lagi perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

## **C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **224,251** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

**D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 72 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 43,323 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 121 buah kenderaan diarah berpatah balik. Satu (1) tangkapan dan 11 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 41 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 26 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di 24 premis di 10 buah daerah iaitu Sipitang, Kota Belud, Keningau, Beluran, Tawau, Lahad Datu, Semporna, Sandakan, Kota Kinabalu dan Kinabatangan.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 98 lokasi di 16 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Bajau, Bahasa Mandarin dan Bahasa Dusun.

**E. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 241 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19. Manakala 22 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran dan baki 171 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.63%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kudat	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Penampang	98%
8	Papar	98%
9	Kota Marudu	98%
10	Beluran	98%
11	Sandakan	98%
12	Tuaran	97%
13	Keningau	97%
14	Tenom	97%
15	Tawau	97%
16	Lahad Datu	97%
17	Kota Belud	96%
18	Ranau	96%
19	Semporna	95%

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

24 November 2020